

03 NOV 1999

Mahathir-Doktor

KERAJAAN CARI JALAN ATASI PENINGKATAN KOS PERUBATAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan sedang mencari jalan untuk mengatasi masalah peningkatan kos perubatan di hospital-hospital kerajaan.

Beliau berkata perkhidmatan perubatan percuma di negara ini bermula semasa zaman penjajah terutama bagi rakyat asing tetapi kemudian meliputi rakyat tempatan.

"Pada zaman itu, kosnya amat rendah dan murah tetapi sekarang jika kerajaan terus berbuat demikian, kerajaan tidak akan mempunyai wang," kata beliau pada majlis jamuan Persatuan Perubatan Malaysia (MMA) di Sunway Lagoon Resort di sini malam ini.

Dr Mahathir berkata rakyat tidak nampak bahawa sebenarnya kerajaan cuba untuk memperbaiki perkhidmatan apabila sebelumnya merancang untuk menswastakan hospital kerajaan.

"Ia dijadikan isu politik," kata beliau.

Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng mengumumkan awal tahun ini mengenai keputusan kerajaan membatalkan cadangan menswastakan perkhidmatan perubatan di hospital kerajaan.

Dr Mahathir berkata Malaysia sungguh unik kerana ia menawarkan perkhidmatan perubatan percuma dan tidak pernah rakyat miskin walau miskin sekalipun tidak dapat menikmati rawatan.

Beliau berkata kerajaan memberi keutamaan kepada penjagaan kesihatan dan memperbaiki perkhidmatan dan menambah kerajaan juga membejankan wang yang banyak untuk melengkapkan hospital dengan teknologi moden.

Menurut Dr Mahathir, berhubung dengan cadangan untuk mengatasi masalah kos perubatan yang tinggi, model Amerika Syarikat ialah yang terakhir yang akan diberi pertimbangan.

Tabiat menyaman doktor yang berlaku di Amerika Syarikat hanya akan meningkatkan kos rawatan kerana doktor perlu mendapatkan perlindungan insurans yang kosnya tinggi.

"Saya diberitahu bahawa doktor di Amerika Syarikat tidak mahu merawat pesakit atau keluar untuk memberi rawatan dalam kes-kes kemalangan. Mereka takut disaman," kata beliau.

Perdana Menteri juga berkata doktor-doktor yang berkhidmat dengan kerajaan tidak menerima gaji yang setimpal dan untuk itu dan beliau akan mengkaji perkara itu.

Beliau berkata kerajaan juga sedang mengkaji sama ada untuk membenarkan doktor membuka klinik sendiri sebagai satu cara untuk mengatasi masalah itu.

-- BERNAMA

SBJ FAZ